# Muhyiddin terima suntikan pertama vaksin COVID-19

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Mahani Ishak dan Ahmad Suhael Adnan - Februari 24, 2021 @ 2:59pm
bhnews@bh.com.my

45

Muhyiddin terima suntikan pertama vaksin COVID-19

KUALA LUMPUR : Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin sebentar tadi, menerima suntikan vaksin COVID-19, Pfizer-BioNTech, sekali gus menjadi rakyat pertama negara ini yang berbuat demikian.

Penerimaan suntikan pertama bagi Malaysia itu disiarkan secara langsung menerusi pelbagai platform media termasuk di media sosial, bagi membolehkan rakyat mendapat gambaran sebenar dan menyeluruh Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bermula secara rasmi hari ini.

Perdana Menteri menerima suntikan itu di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Putrajaya di Presint 11, Putrajaya, selepas menyempurnakan Pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, dengan fasa pertamanya bermula hari ini hingga April.

Terdahulu, Muhyiddin tiba di PKD Putrajaya pada kira-kira jam 2.25 petang dan membuat imbasan kod MySejahtera, yang akan menjadi aplikasi bagi satu daripada kaedah pendaftaran penerimaan vaksin COVID-19 selepas ini.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

8m Undang-undang Selangor benarkan hukuman seks luar tabii, tidak berperlembagaan - Hakim

9m ANGKASA perkukuh hubungan dengan koperasi rantau Asia Pasifik

13m 'Cita rasa mewah, harga patut'

18m 2 didakwa bekal bom bunuh wartawan

20m Harga emas jatuh dua bulan berturut-turut

30m 3 rakyat Malaysia ditahan di Indonesia pulang Ahad

48m Semak semula kurikulum di IPT demi survival era COVID-19

48m Teroka pelbagai alternatif permudah norma baharu

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- 'Ini permulaan mengakhiri episod COVID-19'
- Persiapan akhir menjelang ketibaan bekalan vaksin Ahad ini berjalan lancar
- Vaksin lalui proses penilaian sewajarnya
- Vaksin COVID-19 tiba di Seremban





Jururawat terlatih Klinik Kesihatan Presint 18 Putrajaya, Wan Rosmaliza Wan Daud (kanan) membawa keluar vaksin Pfizer-BioNTech dari Klinik Kesihatan Presint 18 untuk dibawa ke Klinik Kesihatan Presint 11 hari ini. - Foto BERNAMA

**Lagi gambar** Pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan




Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di Pusat Pemberian Vaksin COVID-19 di Pejabat Kesihatan Daerah Presint 11, Putrajaya untuk menerima suntikan vaksin COVID-19, Pfizer-BioNTech, hari ini. Ia menandakan bermulanya secara rasmi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di Malaysia. - NSTP/Mohd Fadli Hamzah

Beliau kemudian membuat pendaftaran diri dengan petugas kesihatan


## VAKSIN



MINDA PEMBACA 2 jam yang lepas

Kejayaan program imunisasi bergantung kerjasama semua




EROPAH 3 jam yang lepas

Penerima dua dos vaksin Pfizer tunjuk antibodi tinggi



ASEAN 4 jam yang lepas

Lebih 1.3 juta rakyat Indonesia terima suntikan vaksin COVID-19




AMERIKA 6 jam yang lepas

Vaksin Pfizer 94 peratus berkesan - Kajian



WILAYAH Feb 24, 2021 @ 10:01pm

MB Pahang, petugas hadapan terima suntikan vaksin Jumaat ini



NASIONAL Feb 24, 2021 @ 6:14pm

Vaksinisasi di negeri secara berperingkat

## TRENDING



NASIONAL 10 minit yang lepas

Undang-undang Selangor benarkan hukuman seks luar tabii, tidak berperlembagaan - Hakim




LAIN-LAIN (BISNES) 21 minit yang lepas

Harga emas jatuh dua bulan berturut-turut



AMERIKA 4 jam yang lepas

Suspek kes bunuh masak jantung mangsa



AMERIKA 5 jam yang lepas

NASA terbitkan gambar panorama Marikh



NASIONAL Feb 24, 2021 @ 10:29pm

Sempat tatap jenazah bapa sebelum jawab soalan SPM

bagi tujuan penerimaan vaksin sebelum dibawa ke auditorium bagi mendapatkan penerangan ringkas berkenaan vaksinasi.

Muhyiddin kemudian menandatangani borang persetujuan sebagai dokumen pengisytiharaan diri dan kebenaran individu untuk divaksin.

Sebaik menerima suntikan, Muhyiddin dibawa ke ruangan khas, bagi menunggu selama kira-kira 15 hingga 30 minit untuk memantau sekiranya berlaku reaksi susulan seperti alahan atau simptom lain.




Vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech selamat tiba di Pejabat Kesihatan Putrajaya hari ini. - Foto BERNAMA





Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menunjukkan playcard 'Lindungi Diri, Lindungi Semua' dan borang persetujuan suntikan COVID-19 selepas menerima suntikan itu di Pusat Kesihatan Daerah Putrajaya, Presint 11, hari ini. - Foto BERNAMA

Kemudian, Muhyiddin diiringi Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin serta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, dibawa untuk mengambil temujanji untuk pengambilan dos kedua.

Turut menerima vaksin sama hari ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah diikuti anggota barisan lain iaitu kumpulan juru suntik yang akan terbabit dalam program imunisasi selepas ini.

**Lagi gambar Pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan**



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi individu pertama di negara ini menerima vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech pada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Pusat Kesihatan Daerah Putrajaya, Presint 11, hari ini. - Foto BERNAMA

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 24, 2021 @ 3:47pm

**Pemandu jadi petugas barisan hadapan pertama terima vaksin**



NASIONAL Feb 24, 2021 @ 7:34am

**Malaysia laksana program imunisasi COVID-19 hari ini**







NASIONAL Feb 23, 2021 @ 9:28pm

**KKM buat penilaian keperluan vaksin bekas pesakit COVID-19**



NASIONAL Feb 24, 2021 @ 12:03pm

**PM mulakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan hari ini**




2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group